- Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung tanggungjawab terhadap kandungan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan TV Pintar.

- Sambungkan teater rumah anda ke rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 13).
- Tekan **⬆️ (Laman utama)**.
- Pilih **[Smart TV]**, kemudian tekan **OK**.
- Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan mesej atas skrin.
➡️ Laman utama TV Pintar dipaparkan.
- Gunakan alat kawalan jauh untuk memilih aplikasi dan masukkan teks (seperti alamat e-mel, web URL, kata laluan, dsb) (lihat 'Navigasi TV Pintar' di halaman 24).

Navigasi TV Pintar

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Pilih aplikasi atau navigasi.
OK	Sahkan entri atau pemilihan. Akses ke papan kekunci atas skrin untuk memasukkan teks.
⬅️ BACK	Kembali ke halaman sebelumnya. Padamkan aksara dalam mana-mana kotak masukan teks.
☰ OPTIONS	Akses pilihan yang berkaitan dengan aktiviti semasa.
Butang abjad angka	Masukkan aksara ke dalam kotak masukan teks.

Butang	Tindakan
Butang berwarna (Merah)	Akses ke papan kekunci atas skrin untuk memasukkan teks.
⬆️ (Laman utama)	Keluar dari portal TV Pintar dan kembali ke menu utama.

Gunakan papan kekunci atau tetikus USB-HID

Apa yang anda perlukan

- Hab USB berwayar atau wayarles, papan kekunci atau tetikus yang mematuhi kelas Reka Bentuk Antara Muka Manusia (USB-HID).

- Sambungkan papan kekunci atau tetikus USB ke penyambung **⚡ (USB)** pada teater rumah anda.
 - Untuk menyambungkan peranti USB wayarles, sambung penerima wayarles kepada penyambung USB pada teater rumah anda. Rujuk manual pengguna peranti USB wayarles bagi mendapatkan butirannya.
- Tekan **⬆️ (Laman utama)**.
- Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- Pilih **[Keutamaan] > [Susun atur kekunci]**.
- Pilih bahasa.
➡️ Papan kekunci standard bagi bahasa itu telah didayakan.
- Gunakan Papan kekunci untuk menaip aksara, atau tetikus untuk menavigasi halaman web.
 - Kursor tetikus USB-HID tidak berfungsi pada TV Pintar dan membuka halaman internet.
 - Kekunci multimedia pada sesetengah papan kekunci tidak disokong.

Kosongkan sejarah penyemak imbasan.

Kosongkan sejarah penyemak imbasan untuk menghapuskan kata laluan, kuki dan data pengimbasan daripada teater rumah anda.

- 1 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Rangkaian] > [Kosongkan memori Smart TV]**.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Sewa video dalam talian

Sewa video daripada kedai dalam talian, melalui teater rumah anda. Anda boleh menontonnya serta-merta atau kemudian.

Banyak kedai video dalam talian menawarkan berbagai pilihan video, dengan harga, tempoh, dan syarat sewaan yang berbeza. Bagi sesetengah kedai, anda perlu membuat akaun sebelum anda boleh menyewa.

Apa yang anda perlukan

- peranti storan USB, dengan sekurang-kurangnya 4 GB memori
- 1 Sambungkan teater rumah anda ke rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 13).
 - 2 Masukkan peranti storan USB kosong ke dalam slot **USB FOR VOD/BD-LIVE ONLY** pada teater rumah anda dan ikuti arahan atas skrin untuk memformatkan peranti USB tersebut.
 - Selepas selesai diformat, tinggalkan peranti storan USB di **USB FOR VOD/BD-LIVE ONLY** dalam slot.
 - Selepas selesai diformat, peranti storan USB tidak lagi akan serasi dengan komputer atau kamera, melainkan diformatkan sekali lagi menggunakan sistem pengendalian Linux.
 - 3 Tekan **⬆** (**Laman utama**).

- 4 Pilih **[Smart TV]**, kemudian tekan **OK**.
 - ↳ Perkhidmatan dalam talian yang terdapat di negara anda akan dipaparkan.
- 5 Pilih kedai video lalu tekan **OK**.
- 6 Ikuti arahan atas skrin untuk menyewa atau menonton video. Jika digesa, masukkan maklumat perlu bagi mendaftar atau mengelog masuk ke akaun kedai ini.
 - ↳ Video dimuat turun pada peranti storan USB anda. Anda hanya boleh menontonnya pada teater rumah anda.
- 7 Tekan butang main balik untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 16).
 - Jika anda tidak dapat memainkan video, periksa format fail untuk memastikan yang ia disokong oleh teater rumah anda (lihat 'Format fail' di halaman 35).

Radio Internet

Akses radio Internet melalui teater rumah anda.

- 1 Sambungkan teater rumah anda kepada rangkaian rumah berakses Internet (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 13).
- 2 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 3 Pilih **[Radio Internet]**, kemudian tekan **OK**.
 - ↳ Halaman radio Internet dipaparkan.
- 4 Ikuti arahan atas skrin untuk memilih stesen radio, cipta praset, atau simpan stesen radio kegemaran anda.
- 5 Tekan **⬆** (**Laman utama**) untuk keluar dari radio Internet.

Semak imbas PC melalui DLNA

Akses dan mainkan gambar, fail audio dan video dari komputer atau pelayan media pada rangkaian rumah melalui teater rumah anda.

Sebelum anda bermula

- Pasang aplikasi pelayan media yang patuh DLNA pada peranti anda. Pastikan bahawa anda memuat turun aplikasi yang paling sesuai untuk anda. Contohnya,
 - Windows Media Player 11 atau lebih tinggi bagi PC
 - Twonky Media Server untuk Mac atau PC
- Dayakan perkongsian media bagi fail. Untuk memudahkan penggunaan, kami telah menyertakan langkah-langkah perlu bagi aplikasi berikut:
 - Windows Media Player 11 (lihat 'Microsoft Windows Media Player 11' di halaman 26)
 - Windows Media Player 12 (lihat 'Microsoft Windows Media Player 12' di halaman 27)
 - Twonky Media bagi Mac (lihat 'Macintosh OS X Twonky Media (v4.4.2)' di halaman 27)



Catatan

- Untuk mendapatkan bantuan tambahan mengenai aplikasi ini atau pelayan media lain, periksa manual penggunaan perisian pelayan media.

Sediakan perisian pelayan media.

Untuk mendayakan perkongsian media, sediakan perisian pelayan media.

Sebelum anda bermula

- Sambung teater rumah anda kepada rangkaian rumah anda. Untuk mendapat kualiti video yang lebih baik, sebaiknya gunakan sambungan berwayar.

- Sambungkan komputer dan peranti serasi DLNA yang lain kepada rangkaian rumah yang sama.
- Pastikan bahawa tembok api PC anda membenarkan anda menjalankan program Media Player (atau senarai pengecualian tembok api mengandungi perisian pelayan media).
- Hidupkan komputer anda dan penghala.

Microsoft Windows Media Player 11

- 1 Mulakan Windows Media Player pada PC anda.
- 2 Klik tab **Library**, dan kemudian pilih **Media Sharing**.
- 3 Kali pertama anda memilih **Media Sharing** pada PC anda, skrin pop timbul akan muncul. Tandakan kotak **Share my media** dan klik **OK**.
↳ Skrin **Media Sharing** dipaparkan.
- 4 Pada skrin **Media Sharing**, pastikan anda dapat melihat peranti bertanda **Unknown Device**.
↳ Jika anda tidak dapat melihat peranti yang tidak dikenali selepas lebih kurang seminit, pastikan tembok PC anda tidak menyekat sambungan ini.
- 5 Pilih peranti yang tidak dikenali dan klik **Allow**.
↳ Tanda semak hijau akan muncul bersebelahan peranti.
- 6 Secara lalai, Windows Media Player berkongsi fail daripada folder ini: **My Music**, **My Pictures**, dan **My Videos**. Jika fail anda dalam fail lain, pilih **Library > Add to Library**.
↳ Skrin **Add to Library** akan dipaparkan.
 - Jika perlu, pilih **Advanced options** untuk memaparkan senarai folder yang dipantau.

- 7 Pilih **My folders and those of others I can access**, dan kemudian klik **Add**.
- 8 Ikuti arahan pada skrin untuk menambah folder lain yang mengandungi fail media anda.

Microsoft Windows Media Player 12

- 1 Mulakan Windows Media Player pada PC anda.
- 2 Pada Windows Media Player, klik tab **Stream**, dan kemudian pilih **Turn on media streaming**.
↳ Skrin **Media streaming options** akan dipaparkan.
- 3 Klik **Turn on media streaming**.
↳ Anda kembali ke skrin Windows Media Player.
- 4 Klik tab **Stream** dan pilih **More streaming options**.
↳ Skrin **Media streaming options** akan dipaparkan.
- 5 Pastikan anda dapat melihat program media pada skrin **Local network**.
↳ Jika anda tidak dapat melihat program media, pastikan bahawa tembok api PC anda tidak menyekat sambungan ini.
- 6 Pilih program media ini dan klik **Allowed**.
↳ Anak panah hijau akan muncul bersebelahan program media.
- 7 Secara lalai, Windows Media Player berkongsi fail daripada folder ini: **My Music**, **My Pictures**, dan **My Videos**. Jika fail anda terletak dalam folder lain, klik tab **Organize** dan pilih **Manage libraries > Music**.
↳ Skrin **Music Library Locations** dipaparkan.
- 8 Ikuti arahan pada skrin untuk menambah folder lain yang mengandungi fail media anda.

Macintosh OS X Twonky Media (v4.4.2)

- 1 Lawati www.twonkymedia.com untuk membeli perisian ini, atau memuat turun percubaan percuma 30 hari ke komputer Macintosh anda.
- 2 Mulakan Twonky Media pada Macintosh.
- 3 Pada skrin Twonky Media Server, pilih **Basic Setup** dan **First Steps**.
↳ Skrin **First steps** dipaparkan.

- 4 Taipkan nama bagi pelayan media anda, dan kemudian klik **Save changes**.
- 5 Berbalik pada skrin Twonky Media, pilih **Basic Setup** dan **Sharing**.
↳ Skrin **Sharing** dipaparkan.
- 6 Semak imbas dan pilih folder untuk dikongsi, dan kemudian pilih **Save Changes**.
↳ Macintosh anda akan mengimbas folder semula secara automatik supaya ia kini sedia untuk dikongsi.

Mainkan fail daripada PC anda



Catatan

- Sebelum anda memainkan kandungan multimedia daripada komputer, pastikan teater rumah telah disambungkan kepada rangkaian rumah, dan perisian pelayan media telah disediakan dengan betul.

- 1 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[semak imbas PC]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Penyemak imbas kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih peranti pada rangkaian.
↳ Folder dalam peranti yang dipilih akan dipaparkan. Bergantung kepada pelayan media, nama foldernya mungkin berbeza.
 - Jika anda tidak dapat melihat folder ini, pastikan bahawa anda telah mendayakan perkongsian media pada peranti yang terpilih supaya kandungannya tersedia untuk dikongsi.
- 4 Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
 - Sesetengah fail media mungkin tidak dapat dimainkan kerana isu keserasian. Semak format fail yang disokong oleh teater rumah anda.
- 5 Tekan butang-butang mainan untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 16).

Karaoke

Hanya tersedia dalam model dan di kawasan terpilih

Mainkan cakera Karaoke pada teater rumah anda dan menyanyilah mengikut muzik.

Apa yang anda perlukan

- Mikrofon Karaoke.
- Cakera Karaoke.

! Awas

- Untuk mengelakkan bunyi yang kuat dan tak dijangka, turunkan kelantangan mikrofon kepada yang minimum sebelum anda menyambung mikrofon kepada teater rumah anda.

- 1 Sambungkan mikrofon karaoke kepada penyambung **MIC** pada teater rumah anda.
- 2 Alihkan TV anda kepada sumber HDMI yang betul bagi teater rumah anda.
- 3 Pastikan pasca pemprosesan audio didayakan pada teater rumah anda (lihat 'Tetapan pembesar suara' di halaman 31).
- 4 Semasa memainkan cakera Karaoke, tekan **OPTIONS**.
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 5 Pilih **[Karaoke]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Menu persediaan karaoke akan dipaparkan.
- 6 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) dan **OK** untuk memilih tetapan berikut:
 - **[Mikrofon]**: Hidupkan atau matikan mikrofon.
 - **[Kelantangan mikrofon]**: Ubah kelantangan mikrofon.
 - **[Gema]**: Laraskan tahap gema.
 - **[Kunci]**: Ubah nada agar sepadan dengan suara anda.
 - **[Sokongan vokal]**: Pilih mod audio, atau hidup atau matikan vokal.

Pilih bunyi

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.

- 1 Tekan **III SOUND SETTINGS**.
- 2 Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk mengakses pilihan bunyi pada paparan.

Pilihan bunyi	Perihalan
SOUND	Pilih mod bunyi.
SURROUND	Pilih bunyi keliling atau bunyi stereo.
AUD SYNC	Tunda audio agar sepadan dengan video.
AUTO VOL	Kurangkan perubahan mengejut dalam kelantangan, contohnya, semasa iklan TV.

- 3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **↩ BACK** untuk keluar.
 - Jika anda tidak menekan sebarang butang selama satu minit, menu akan keluar secara automatik.

Mod bunyi surround

Alami pengalaman audio perendaman dengan mod bunyi surround.

- 1 Tekan **III SOUND SETTINGS**.
- 2 Pilih **SURROUND**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan berikut:
 - **AUTO**: Bunyi keliling berdasarkan strim audio.
 - **V SURR**: Keliling Maya.
 - **STEREO**: Bunyi stereo dua saluran. Sesuai untuk mendengar muzik.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

- 1 Pastikan bahawa pasca pemprosesan audio didayakan pada pembesar suara (lihat 'Tetapan pembesar suara' di halaman 31).
- 2 Tekan **III SOUND SETTINGS**.
- 3 Pilih **SOUND**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan pada paparan:
 - **AUTO**: Memilih dengan bijak tetapan bunyi terbaik berdasarkan audio yang dimainkan.
 - **BALANCED**: Alami bunyi asal wayang dan muzik anda, tanpa kesan bunyi tambahan.
 - **POWERFUL**: Nikmati bunyi arked yang menyeronokkan, yang ideal untuk permainan video penuh aksi atau parti yang lantang.
 - **BRIGHT**: Hidupkan wayang dan muzik yang membosankan dengan kesan bunyi tambahan.
 - **CLEAR**: Dengari setiap butiran dalam muzik anda dan suara yang jelas dalam wayang anda.
 - **WARM**: Alami perkataan yang dituturkan dan vokal muzik dalam suasana selesa.
 - **PERSONAL**: Peribadikan bunyi mengikut kesukaan anda.
- 5 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Penyama

Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel), frekuensi pertengahan (mid), dan frekuensi rendah (bas) teater rumah.

- 1 Tekan **III SOUND SETTINGS**.
- 2 Pilih **SOUND > PERSONAL**, lalu tekan **Butang navigasi** (kanan).
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk menukar frekuensi bas, mid atau trebel.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Kelantangan auto

Hidupkan kelantangan auto untuk mengurangkan perubahan mengejut pada kelantangan, contohnya, semasa iklan TV.

- 1 Tekan **III SOUND SETTINGS**.
- 2 Pilih **AUTO VOL**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk memilih **ON** atau **OFF**.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

6 Tukar tetapan

Tetapan teater rumah telah pun dikonfigurasi untuk prestasi optimum. Melainkan anda mempunyai sebab untuk menukar tetapan, kami syorkan anda mengekalkan tetapan lalai.

Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang telah dikelabukan.
- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan  **BACK**. Untuk keluar daripada menu, tekan  (Laman utama).

Tetapan bahasa

- 1 Tekan  (Laman utama).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Bahasa menu]**: Pilih bahasa paparan untuk menu.
 - **[Audio]**: Pilih bahasa audio untuk cakera.
 - **[Susun atur kekunci]**: Pilih papan kekunci dalam bahasa anda.
 - **[Sari kata]**: Pilih bahasa sari kata untuk cakera.
 - **[Menu cakera]**: Pilih bahasa menu untuk cakera.

Catatan

- Jika bahasa cakera yang anda kehendaki tidak tersedia, pilih **[Lain-lain]** pada senarai dan masukkan kod bahasa 4 digit yang boleh didapati pada penghujung manual pengguna ini (lihat 'Kod bahasa' di halaman 44).
- Jika anda memilih bahasa yang tidak tersedia pada cakera, teater rumah akan menggunakan bahasa lalai cakera.

Tetapan gambar dan video

- 1 Tekan  (Laman utama).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Video]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Paparan TV]**: Pilih format gambar yang muat pada skrin TV.
 - **[Video HDMI]**: Pilih resolusi isyarat video yang keluar dari **HDMI OUT (ARC)** pada teater rumah anda. Untuk dapat menggunakan resolusi yang dipilih, pastikan TV anda menyokong resolusi tersebut.
 - **[HDMI Deep Color]**: Dapatkan dunia semula jadi pada skrin TV anda dengan memaparkan imej terang menggunakan berbilion warna. Teater rumah anda mesti disambungkan ke TV berdaya Warna Pekat melalui kabel HDMI.
 - **[Tetapan gambar]**: Pilih tetapan warna yang dipratarifikasi untuk paparan video. Pilih **[Pengguna]** untuk mewujudkan tetapan anda sendiri.
 - **[Tonton video 3D]**: Tetapkan video HDMI untuk menyokong video 3D atau 2D.

Catatan

- Jika anda hendak menukar tetapan, pastikan bahawa TV menyokong tetapan baru ini.

Tetapan audio

- 1 Tekan  (Laman utama).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Audio]**, kemudian tekan **OK**.

- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
- **[Mod malam]**: Untuk mendengar dengan tenang, kurangkan kelantangan bunyi yang kuat pada teater rumah anda. Mod malam hanya tersedia dalam cakera DVD dan Blu-ray dengan trek bunyi Dolby Digital, Dolby Digital Plus, dan Dolby True HD.
 - **[Audio HDMI]**: Tetapkan output audio HDMI dari TV anda, atau nyahdayakan output audio HDMI dari TV.
 - **[Audio sync]**: Setkan lengah audio jika audio dan video tidak dapat dipadankan.

Tetapan kawalan ibu bapa

- 1 Tekan **🏠** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Tukar kata laluan]**: Tetapkan atau tukar kata laluan anda untuk akses kawalan ibu bapa. Jika anda tidak mempunyai kata laluan atau terlupa kata laluan anda, masukkan **0000**.
 - **[Kawalan ibu bapa]**: Hadkan akses kepada cakera yang dirakam dengan pengedaran umur. Untuk memainkan semua cakera, tanpa mengira pengedaran, pilih **8** atau **[Mati]**.

Tetapan paparan

- 1 Tekan **🏠** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **OK**.

- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
- **[Anjak sari kata automatik]**: Dayakan atau nyahdayakan pengalihan automatik kedudukan sari kata pada TV yang menyokong ciri ini.
 - **[Panel paparan]**: Tetapkan kecerahan paparan panel depan teater rumah.
 - **[VCD PBC]**: Dayakan atau nyahdayakan navigasi menu kandungan bagi cakera VCD dan SVCD dengan ciri Kawalan Main Balik.

Tetapan penjimatan tenaga

- 1 Tekan **🏠** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Penyelamat skrin]**: Alihkan teater rumah kepada mod gambar skrin selepas 10 minit tanpa aktiviti.
 - **[Auto siap sedia]**: Alihkan teater rumah kepada siap sedia selepas 30 minit tanpa aktiviti. Pemasa ini berfungsi hanya apabila mainan cakera atau USB dijeda atau dihentikan.
 - **[Pemasa tidur]**: Tetapkan tempoh masa pemasa tidur supaya teater rumah dialih kepada siap sedia selepas tempoh masa yang ditentukan.

Tetapan pembesar suara

- 1 Tekan **🏠** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Lanjutan]**, kemudian tekan **OK**.

- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
- **[Audio dipertingkatkan]**: Pilih **[Hidup]** untuk mendayakan pasca pemprosesan audio pada pembesar suara dan mendayakan tetapan karaoke (jika produk anda menyokong Karaoke). Untuk memainkan audio asal cakera ini, pilih **[Mati]**.



Petua

- Dayakan pasca pemprosesan audio sebelum anda memilih mod suara yang dipraktifik (lihat 'Mod bunyi' di halaman 29).

Kembalikan tetapan lalai

- 1 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Lanjutan]** > **[Kembalikan tetapan lalai]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[OK]**, dan kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
 - ↳ Teater rumah anda diset semula kepada tetapan lalainya kecuali bagi tetapan tertentu seperti kawalan ibu bapa dan kod pendaftaran DivX VoD.

7 Kemas kinikan perisian

Philips sentiasa cuba untuk memperbaiki produk-produknya. Untuk mendapatkan ciri-ciri dan sokongan terbaik, kemas kini teater rumah anda dengan perisian terkini.

Bandingkan versi perisian semasa anda dengan versi terkini pada www.philips.com/support. Jika versi semasa adalah lebih rendah daripada versi terbaru yang tersedia di laman web sokongan Philips, naik taraf teater rumah anda dengan perisian terkini.



Awas

- Jangan pasang versi perisian yang lebih rendah daripada versi semasa yang dipasang pada produk anda. Philips tidak bertanggungjawab terhadap masalah yang disebabkan oleh turun taraf perisian.

Semak versi perisian

Semak versi perisian semasa yang dipasang pada teater rumah anda.

- 1 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Lanjutan]** > **[Maklumat versi]**.
 - ↳ Versi perisian dipaparkan.
 - 'Sistem SW' yang dipaparkan menunjukkan versi keseluruhan perisian. 'Subsistem SW' menunjukkan versi ciri-ciri yang berlainan. Contohnya, jika 'Subsistem SW' ialah '35-00-00-05', dua digit terakhir ('05') menunjukkan versi semasa bantuan atas skrin yang telah dipasang pada teater rumah anda.

Kemas kini perisian melalui USB

Apa yang anda perlukan

- Pemacu denyar USB yang diformatkan FAT atau NTFS, dengan sekurang-kurangnya 256MB memori. Jangan gunakan pemacu keras USB.
- Komputer dengan akses kepada Internet.
- Utiliti arkib yang menyokong format fail ZIP.

Langkah 1: Muat turun perisian terkini

- 1 Sambungkan peranti denyar USB kepada komputer anda.
- 2 Pada penyemak imbas Web anda, pergi ke www.philips.com/support.
- 3 Di laman web Sokongan Philips, dapatkan produk anda dan cari **Perisian dan pemacu**.
 - ↳ Kemas kini tersedia dalam bentuk fail zip.
- 4 Simpan fail zip dalam direktori induk peranti denyar USB anda.
- 5 Gunakan utiliti arkib untuk mengekstrak fail kemas kini perisian dalam direktori induk.
 - ↳ Fail diekstrak di bawah folder **UPG** dalam pemacu denyar USB anda.
- 6 Tanggalkan peranti denyar USB daripada komputer anda.

Langkah 2: Kemas kini perisian



Awas

- Jangan matikan teater rumah atau tanggalkan pemacu denyar USB sepanjang kemas kini.

- 1 Sambung peranti storan USB yang mengandungi fail yang dimuat turun kepada teater rumah anda.
 - Pastikan ruang cakera ditutup dan tiada cakera di dalamnya.
- 2 Tekan **⬆** (**Laman utama**).

- 3 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Lanjutan] > [Kemas kini perisian] > [USB]**.
- 5 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan kemas kini.
 - ↳ Proses mengemas kini mengambil masa kira-kira 5 minit untuk selesai.
 - ↳ Apabila selesai, teater rumah akan mati dan bermula semula secara automatik. Jika tidak, tanggalkan kord kuasa buat beberapa saat dan kemudian sambungkan kembali.

Kemas kini perisian melalui internet

- 1 Sambungkan teater rumah anda kepada rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 13).
- 2 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 3 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Lanjutan] > [Kemas kini perisian] > [Rangkaian]**.
 - ↳ Jika naik taraf media dikesan, anda digesa untuk memulakan atau membatalkan kemas kini.
 - ↳ Memuat turun menaik taraf fail mungkin mengambil masa yang lama, bergantung pada keadaan rangkaian rumah anda.
- 5 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan kemas kini.
 - ↳ Proses mengemas kini mengambil masa kira-kira 5 minit untuk selesai.
 - ↳ Apabila selesai, teater rumah akan mati dan bermula semula secara automatik. Jika tidak, tanggalkan kord kuasa buat beberapa saat dan kemudian sambungkan kembali.

Kemas kini bantuan atas skrin

Jika versi semasa bantuan atas skrin adalah lebih rendah daripada versi terkini di www.philips.com/support, muat turun dan pasang bantuan atas skrin terkini (lihat 'Semak versi perisian' di halaman 32).

Apa yang anda perlukan

- Pemacu denyar USB berformat FAT atau NTFS, dengan sekurang-kurangnya 35MB memori. Jangan gunakan pemacu keras USB.
- Komputer dengan akses internet.
- Utiliti arkib yang menyokong format fail ZIP.

Langkah 1: Muat turun bantuan atas skrin terkini

- 1 Sambungkan peranti denyar USB kepada komputer anda.
- 2 Pada penyemak imbas Web anda, pergi ke www.philips.com/support.
- 3 Di laman sokongan Philips, dapatkan produk anda dan klik pada **User manuals** (Manual pengguna), dan kemudian cari **User Manual Upgrade Software** (Perisian Naik Taraf Manual Pengguna).
↳ Kemas kini bantuan tersedia dalam bentuk fail zip.
- 4 Simpan fail zip dalam direktori induk peranti denyar USB anda.
- 5 Gunakan utiliti arkib untuk mengekstrak fail kemas kinian perisian dalam direktori induk.
↳ Fail bernama 'HTSxxxxeDFU.zip' diekstrakkan di bawah folder **UPG** pada pemacu denyar USB anda, di mana 'xxxx' ialah nombor model teater rumah anda.
- 6 Tanggalkan peranti denyar USB daripada komputer anda.

Langkah 2: Kemas kini bantuan atas skrin



Awas

- Jangan matikan teater rumah atau tanggalkan pemacu denyar USB sepanjang kemas kini.

- 1 Sambung peranti storan USB yang mengandungi fail yang dimuat turun kepada teater rumah anda.
 - Pastikan ruang cakera ditutup dan tiada cakera di dalamnya.
- 2 Tekan **⬆** (**Laman utama**).
- 3 Masukkan **338** pada alat kawalan jauh.
- 4 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan kemas kini.
- 5 Tanggalkan pemacu denyar USB daripada teater rumah.

8 Speksifikasi produk

Catatan

- Spesifikasi dan reka bentuk tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Kod rantau

Plat jenis pada bahagian bawah atau belakang teater rumah menunjukkan kawasan mana yang disokongnya.

Negara	DVD	BD
Eropah, United Kingdom	 	
Asia Pasifik, Taiwan, Korea	 	
Amerika Latin	 	
Australia, New Zealand	 	
Russia, India	 	
China	 	

Format media

- AVCHD, BD, BD-R/ BD-RE, BD-Video, DVD-Video, DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R/-R DL, CD-R/CD-RW, Audio CD, Video CD/SVCD, Fail gambar, Media MP3, Media WMA, Media DivX Plus HD, Peranti storan USB

Format fail

- Audio:
 - .aac, .mka, .mp3, .wma, .wav, .mp4, .m4a, .flac, .ogg
 - RMVB (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China)
- Video:
 - .avi, .divx, .mp4, .m4v, .mkv, .m2ts, .mpeg, .flv, .3gp
 - .asf, .wmv, .rmvb, .rm, .rv (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China)
- Gambar: .jpg, .jpeg, .gif, .png

Format audio

Teater rumah anda menyokong fail audio berikut.

Sam-bungan	Bekas	Kodek audio	Kadar bit
MP3	MP3	MP3	Sehingga 320 kbps
.wma	ASF	WMA	Sehingga 192 kbps
		WMA Pro	Sehingga 768 kbps
.aac	AAC	AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps
.wav	WAV	PCM	27.648 Mbps
.m4a	MKV	AAC	192 kbps
.mka	MKA	PCM	27.648 Mbps
		Dolby Digital	640 kbps
		Teras DTS	1.54 Mbps
		MPEG	912 kbps
		MP3	Sehingga 320 kbps
		WMA	Sehingga 192 kbps
		WMA Pro	Sehingga 768 kbps
		AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps
.ra	RM	AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps
		Masak	96469 bps
.flac	FLAC	FLAC	Sehingga 24 bps
.ogg	OGG	Vorbis	Kadar bit berubah-ubah, saiz blok maksimum 4096

Sam-bungan	Bekas	Kodek audio	Kadar bit
		FLAC	Sehingga 24 bps
		OGGPCM	Tiada had
		MP3	Sehingga 320 kbps

Format video

Jika anda mempunyai TV berdefinisi tinggi, teater rumah anda akan membenarkan anda memainkan:

- fail video dengan resolusi 1920 x 1080 piksel (kecuali DivX, yang mempunyai resolusi 77220 x 576) dan kadar bingkai 6 ~ 30 bingkai sesaat.
